

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 46 RABU 15HB. NOBEMBER, 1972. 1392 رابو 8 شوال PERCHUMA

KEAMANAN BOLEH UJUD DGN. ADA-NYA PERPADUAN RAAYAT—Titah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah bertitah tentang betapa mustahak-nya perpaduan raayat itu benar2 ujud.

Dalam titah hari raya ka-seluruh negeri melalui siaran Radio Brunei, Baginda menyatakan keyakinan bahawa perpaduan boleh ujud dengan adanya ketua2 dan pemimpin2 yang jujur yang boleh menyatu-padukan anak buah-nya bagi maksud2 yang berkebaikan.

Dalam pada itu, Baginda bertitah bahawa perpaduan itu boleh juga retak jika ada persengketaan, hasad dengki dan churiga menchurigai sa-lain dari ada-nya anasir2 yang jahat dan menghasut yang bertujuan untuk memecah-belahkan perpaduan itu.

Kerana itu, Baginda menyeru raayat dan penduduk negeri ini supaya sentiasa waspada terhadap anasir2 yang

ingin menghasut untuk memecah-belahkan perpaduan raayat itu.

Baginda yakin bahawa keamanan dalam sa-sebuah negeri itu boleh di-ujudkan dengan ada-nya perpaduan raayat dan penduduk negeri ini dan bersatu hati pada menumpukan taat setia kerana Allah.

Baginda menekankan bahawa adalah menjadi kewajiban raayat untuk berusaha menentang dan menghapuskan sa-tiap anasir yang memecah-belahkan itu dengan chara melaporkan kegiatan2 yang jahat itu kepada pehak2 yang berkenaan.

Baginda juga bertitah bahawa bersatu hati pada menumpukan taat setia itu boleh di-ujudkan dengan bertukar2 fikiran, bermuzakarah sa-sama sendiri pada merancang dan membuat perkara2 yang berkebaikan sama ada untuk kebajikan anak2 buah kampung, mahu pun kebajikan sa-suatu masha-rakat, daerah dan sa-terus-nya negara.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang di-ziarahi oleh raayat baginda sa-telah baginda selesai menunaikan sembahyang Hari Raya di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada hari Rabu lepas.

Uchapan dari

P'jaya Tinggi British

SAYA mendapat tahu bahawa ada-lah menjadi adat kebiasaan sa-lama beberapa tahun sekarang bagi Pesuruhjaya Tinggi British atau Pesuruhjaya Tinggi dia di-kenali dulu untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Puasa menerusi radio kepada raayat Brunei.

Saperti dengan kebanyakan orang2 Eropah, saya hanya dapat membayangkan betapa payah-nya bahkan kesukaran2 yang terpaksa di-alami oleh ramai orang dalam bulan puasa, tetapi saya dapat pula bersama2 awda menikmati kegembiraan dan keseronokan di-Hari Raya ini.

Bagi pehak isteri saya dan diri saya sendiri serta kakitangan Surohanjaya dengan hati yang tulus ikhlas saya ingin mengucapkan kepada awda sekalian Selamat Hari Raya Aidil-Fitri.

“Bersatu hati itu hendak-lah di-pelihara supaya keamanan akan boleh sentiasa ujud dan akan mendatangkan kebajikan kepada sekalian raayat dan penduduk negeri ini sa-bagaimana yang di-hasratkan”, titah Baginda.

Bertitah mengenai dengan pengujudan kemakmoran pula, Baginda yakin bahawa ia-nya boleh ujud dengan bersendikan tiga asas utama ia-itu pelajaran, kesihatan dan kebudayaan yang asas-nya keselamatan dan kesejahteraan.

Dalam titah itu, Baginda meng-ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua anggota Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan pasukan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang telah melaksanakan kewajiban2 mereka dengan penoh kejujuran dalam mempertahankan keamanan dan keselamatan negeri.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda yang telah mengusahakan kewajiban2 mereka dengan jujur bagi kepentingan negara.

(Titah Baginda sa-penoh-nya di-siarkan di-Muka 2.)

Kerajaan terus menerus berusaha bagi mengatasi masalah penganggoran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penganggoran yang bertambah2 pada waktu ini adalah merupakan satu daripada beberapa masalah asas di-antara masalah2 mashaarakat yang belum di-uruskan dan maseh merunsingkan.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sabda hari raya-nya menerusi Radio ka-seluruh negeri telah menekankan bahawa Kerajaan menyedari bilangan penganggoran itu terutama sekali di-kalangan mereka yang sudah bersekolah.

Kerajaan juga, kata-nya, telah dan akan terus menumpukan tenaga2-nya bagi mengatasi masalah itu dengan melalui usaha2 yang boleh menimbulkan lagi mata2 pencharian yang khusus bagi raayat negeri ini.

Dalam pada itu, beliau berseru kepada raayat Brunei dan juga penduduk2 yang ikut ber-lindung di-bawah panji2 Kerajaan D.Y.M.M. supaya terus menerus memperkuat usaha kebajikan dan membulatkan semangat serta tekad pada menghadapi masaalah2 masha-rakat yang belum di-uruskan dan maseh merunsingkan termasuk-lah masaalah penganggoran itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mengulang kembali akan sabda D.Y.M.M. Paduka Seri Begawan Sultan yang menyeru pehak2 pribet, khusus-nya kaum Tionghwa yang menjalankan perniagaan di-negeri ini supaya membuka pintu kepada orang2 tempatan, khusus-nya orang2 Melayu bagi menambahkan mata pencharian dan sa-terus-nya dapat

(Lihat muka 8)

Raayat di-ingatkan waspada terhadap anasir2 jahat yang ingin memechah-belahkan perpaduan

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. Alhamdulillah shukor ka-hadharat Allah Subahanahu-wataala di-atas limpah kurnia-Nya kepada kita. Salawat dan salam ka-atas junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta dengan sahabat2 dan pengikut2 bagina yang jujur.

Raayat beta yang di-kasehi sekalian,

Pada hari Raya Puasa yang berkat ini beta bersama2 dengan keluarga beta bershukor kehadharat Allah dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada raayat beta yang di-kasehi sekalian khasnya kepada raayat dan penduduk Negeri Brunei Darus-salam yang beragama Islam, penuntut2 serta pegawai2 yang berlatih di-luar Negeri Brunei semoga Allah memberkati umur kita pada menuntut ka-redhaan-nya.

Bersempena dengan Hari Raya Puasa ini, beta ingin menyatakan dan mengulangi kepada raayat beta sekalian mengenai dengan hasrat beta untuk melihat Negeri Brunei Darus-salam ini benar2 menjadi sa-buah negara yang aman dan makmor yang di-redhai oleh Allah Subahanahu-wataala.

Keamanan itu boleh di-ujudkan dan boleh di-pelihara, keamanan dari segi rumah tangga boleh di-ujudkan dengan adanya persafahaman dan hormat menghormati di-antara anggota sa-suatu keluarga dan keamanan-nya itu boleh di-pelihara dengan chara memupok rasa kaseh sayang dan silatul-rahim dan menghindarkan gejala2 yang boleh membawa keretakan atau persengketaan di-antara mereka. Demikianlah hal-nya keamanan dalam satu2 masyarakat.

Hari Raya Puasa ada-lah merupakan salah satu chara untuk menimbulkan dan mengukuhkan keamanan dalam sa-suatu keluarga dan dalam sa-suatu masyarakat ia-itu dengan chara kunjong-mengunjongi dan bermaaf2an yang tidak hanya di-hadkan di-antara

Dari titah

D.Y.M.M. Paduka Seri

Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negeri

Brunei sempena

menyambut Hari Raya

Aidil-Fitri.

orang2 Islam bahkan juga disertai oleh orang2 yang bukan Islam.

Demikian juga hal-nya dengan hari2 raya bagi ugama2 yang lain dan juga hari raya bagi sa-suatu kaum yang tertentu, hanya beta sukachita mengingatkan kaum muslimin sekalian supaya dalam bersuka2 pada menyambut hari raya puasa atau di-hari2 yang lain pada satu2 munasabah jangan-lah di-ruchihkan dengan perkara2 yang maksiat yang melanggar hukum Allah.

Keamanan dalam sa-sebuah daerah atau dalam sa-sebuah negeri boleh di-ujudkan dengan ada-nya perpaduan raayat dan penduduk negeri ini bersatu hati pada menumpukan taat setia kerana Allah. Perpaduan raayat dan penduduk sangat-lah mustahak, perpaduan boleh ujud dengan ada-nya ketua2 dan pemimpin2 yang jujur yang boleh menyatukan anak buah-nya bagi maksud2 yang berkebaikan. Perpaduan boleh retak jika ada persengketaan, hasad-dengki dan churiga-memchuriga dan perpaduan itu boleh juga retak dengan ada-nya anasir2 yang jahat dan menghasut yang bertujuan untuk memechah-belahkan perpaduan itu.

Di-sini ingin-lah beta mengingatkan raayat dan penduduk Negeri Brunei supaya senentiasa waspada terhadap anasir2 jahat yang tidak di-ingini yang ingin menghasut untuk memechah-belahkan perpaduan raayat beta yang di-kasehi sekalian.

Jika-lah anasir2 yang demikian di-fikirkan ujud dalam sa-sebuah kampung atau sa-sebuah masyarakat, maka ada-lah menjadi kewajipan raayat beta untuk berusaha

menghapuskan-nya. Salah satu chara-nya ia-lah dengan membuat laporan yang segera kepada pihak2 yang berkenaan. Bersatu hati pada menumpukan taat setia itu boleh di-ujudkan dengan bertukar2 fikiran, bermuzakarah sesama sendiri pada merancang dan membuat perkara2 yang berkebaikan sama ada untuk kebajikan anak2 buah kampung atau kebajikan sa-suatu masyarakat atau untuk kebajikan daerah atau untuk kebajikan negara kita Brunei Darus-salam ini. Umpama-nya memuchang2 pada mengusahakan satu2 ranchangan yang berkebaikan. Bersatu hati itu hendak-lah di-pelihara supaya keamanan akan boleh senentiasa ujud dan akan mendatangkan kebajikan kepada sekalian raayat dan penduduk negeri ini sa-bagaimana yang di-hasratkan.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Raayat beta yang di-kasehi sekalian,

Kemakmoran hendak-lah di-ujudkan dan di-pelihara pada menyuburkan-nya. Kemakmoran itu boleh di-ujudkan dengan bersendikan tiga asas utama: Pertama, pelajaran; kedua, kesihatan; ketiga, kebudayaan yang asas-nya keselamatan dan kesejahteraan.

Pada saat yang bergembira ini beta dengan hati tulus ikhlas sukachita mengucapkan selamat berhari raya aidil-fitri kepada semua raayat beta sama ada di-dalam mahu-pun di-luar negeri. Beta suka mengingatkan kepada semua raayat beta yang di-kasehi bahawa sambil meraikan hari yang penuh kegembiraan ini hendak-lah juga berhati2 pada mengusahakan kewajipan ma-

sing2 kepada negara dan masyarakat khusus-nya, menjauhkan diri dari segala perbuatan yang tidak mendatangkan munafaat sambil berazam dan berusaha pada membuat kerja yang berkebaikan untuk kepentingan Negeri Brunei Darus-salam.

Segala yang kita nekmati sekarang ada-lah dengan kurnia Allah Subahanahu-wataala hasil dari usaha kerajaan beta pada menitik-beratkan keamanan dan keselamatan negeri supaya raayat dan penduduk dalam negeri ini akan senentiasa maju dan makmor serta berkembang ka-araf yang di-redhai Allah dalam keadaan aman dan tenteram dan bebas dari anchaman dari luar mahu-pun dari dalam negeri.

Di-segi mempertahankan keamanan dan keselamatan negeri beta sukachita mengambil kesempatan mengucapkan terima kaseh beta yang tidak terhingga kepada semua anggota pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, pasukan Pulis Diraja Brunei dan pasukan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang telah bersama sa-chara bermufakat membebaskan serta melaksanakan kewajipan2 mereka dengan penoh kejujuran, beta dengan mengucapkan terima kaseh beta kepada semua pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan beta yang telah berusaha kewajipan2 mereka dengan jujur bagi kepentingan negara.

Akhir-nya beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil-Fitri kepada semua raayat beta yang di-kasehi dan kepada semua penduduk Negeri Brunei Darus-salam. Mudah2an Allah Subahanahu-wataala akan melindungi kita dan memberikan kejayaan ka-araf yang berkebaikan. Amin.



SIAPA pun dari kita Umat Islam mengetahui bahawa kemenangan Nabi Mohammad s.a.w. dalam perjuangan baginda mengembangkan Ugama Islam itu ialah kerana yakin pula bahawa kebenaran itu mesti mendapat kemenangan.

Keyakinan ada-lah satu syarat untuk mencapai kemenangan, syarat yang lainnya lagi dapat pada diri Nabi ialah sabar atau tahan ujian dalam menghadapi segala macam ujian.

Jadi yakin dan tahan ujian itu ialah dasar yang utama untuk mencapai kemenangan atau kejayaan dalam pecha-toran hidup. Yang demikian itu ada-lah merupakan ukuran umum yang berarti segala tindakan, segala usaha dan pekerjaan boleh mendapat kemenangan dan kejayaan kalau orang2nya itu yakin dan sabar, walau apa pun tindakan, usaha atau pekerjaan akan terkandas dan mundur kalau orang2nya itu tidak yakin dan tidak sabar sekalipun ia-nya perkara yang benar.

Undang2 itu di-namakan sunah Allah berlaku kepada segala perkara walau pun dalam perkara keduniaan. Sabda Nabi Mohammad s.a.w. yang bermaksud: "Kemenangan itu beserta sabar dan kelapangan itu beserta kepayahan, dan sesungguhnya beserta kesusahannya itu terdapat kemenangan".

Kita umat Islam baru sahaja selesai menjalani ujian lapar dan dahaga dan menahan segala rupa nafsu dan keinginan yang di-larang dalam puasa. Memang terasa juga betapa pahitnya kita menjalani ujian itu tetapi berkat yakin akan kebenaran Ugama dan berkat sabar menanggung derita maka akhir-nya kita telah beroleh kemenangan dan kejayaan pada mematohi surohan Ugama dan gema dari kejayaan dan kemenangan itu kita ravakan sa-waktu berhari raya. Bagitu-lah sa-terus-nya bahawa kemenangan itu akan dapat kita chapai dengan berkat yakin dan sabar dalam

YAKIN DAN SABAR MENJADI SHARAT UTAMA UNTOK MENCAPAI KEJAYAAN



KHUTBAH JUMA'AT

**Segala usaha dan pekerjaan
boleh mendapat kemenangan
dan kejayaan kalau orang2
itu yakin dan sabar**

menghadapi sa-tiap usaha dan pekerjaan.

Yakin dan sabar itu tidak boleh di-pisah2kan, tidak boleh yakin sahaja dengan tidak sabar, atau sabar sahaja dengan tidak yakin, kerana kedua2nya menjadi syarat untuk mencapai sa-suatu kejayaan. Sa-orang pelajar yang ingin berjaya di-dalam peperiksaan haruslah mempunyai penoh keyakinan kepada dirinya sa-waktu menjawab kertas2 soalan, sedangkan keyakinan itu akan datang pada diri-nya melainkan sa-sudah dia sedia mengorbankan segala daya dan usaha-nya dengan penoh kesabaran untuk menghadapi peperiksaan.

Sa-orang peniaga kecil yang ingin membesarkan perniagaan-nya haruslah membuat kajian dan perhitungan yang sa-baik2nya dalam mengendalikan perniagaan-nya sa-hingga dia beroleh keyakinan bahawa usaha-nya tidak akan melisit dan mendapatkan kerujian di-samping itu dia mesti-lah bersabar dalam menghadapi segala rintangan dan ujian, dengan demikian baru-lah dia akan berjaya. Bagitu-lah juga hal-nya dengan lain2 lapangan yang

mana kesemua-nya memerlukan kedua2 syarat utama itu.

Sabar yang di-tuju oleh ugama itu ialah tahan ujian sa-waktu mendapat kechela-kan dan yang datang dengan tiba2 dengan mengendalikan hawa nafsu supaya tidak bingung, tidak keloh kasah dan tidak gupoh sambil berusaha mengatasi semua itu.

Sabar di - w a k t u mendapat ke k a y a a n dan sabar pula dalam menahan penggunaan kekayaan itu dari chara yang melampau dan berlebeh2an jangan sampai lupa daratan dan lupa batas2 ugama. Sabar di-waktu marah, sabar waktu berpe-rang, ketika menyerah dan bertahan, sabar menyimpan rahsia dan sa-bagai-nya.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya tuan2 mengambil pengajaran dari amalam berpuasa itu terutama dari segi menahan keyakinan dan kesabaran dalam diri2 masing2 dalam menghadapi segala tugas dan usaha supaya dengan demikian menjamin mendapat kemenangan dan kejayaan.

Pembinaan ibu sawat talipon di-Pekan Tutong jalan lancar

TUTONG. — Kerja2 ka-atas pembinaan bangunan ibu sawat talipon di-Pekan Tutong pada masa ini berjalan dengan lancar.

Kerja2 itu yang bermula dalam bulan lalu di-jadualkan siap dalam pertengahan tahun depan.

Bangunan yang menelan belanja kira2 \$270,000.00 itu di-reka oleh arkitek2 Jabatan Kerja Raya dan di-bina diatas satu kawasan kira2 100 ela dari bangunan ibu sawat talipon yang ada sekarang.

Bangunan itu akan di-lengkapkan dengan sa-buah mesin automatik dan mesin tersebut sekarang telah tiba di-Brunei.

Ia-nya akan di-pasang dan di-kendalikan sendiri oleh kakitangan 2 Jabatan Talikom.

Sementara itu kerja2 pembinaan Balai Pulis di-Muara akan siap dalam bulan Disember tahun ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Bandar Seri Begawan yang mengendalikan pembinaan itu menyatakan kerja2 pembinaan balai pulis tersebut telah berjalan mengikut jadual.

Kerja2 pembinaan itu yang di-mulakan dalam bulan Disember tahun lepas menelan belanja kira2 sa-banyak \$500,000.00.

Komplek tersebut mengandungi sa-buah balai pulis, sa-buah tempat kediaman merinyu pulis, dan dua blok rumah pangsa untuk menempatkan sa-ramai 32 anggota pulis yang telah beristeri.

Penuntut2 balek ka-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai enam orang penuntut ugama dari Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Trengganu telah pulang ka-tanah ayer pada hari Ahad 12hb. November yang lalu untok berchuti penggal terakhir persekolahan mereka.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Yusof bin Umar, Awang Serbini bin Bidin, Awang Durman bin Kula, Dayang Rashidah binte Haji Abdul Hamid, Dayang Rosnah binte Mohamed dan Dayang Bontar binte Jais.

Sementara itu sa-ramai sembilan orang penuntut dari

Kolej Islam di-Klang akan pulang ka-tanah ayer pada 2hb. Disember.

Penuntut2 itu ia-lah Awang Besar bin Abu Bakar, Awang Kasim bin Lamat, Awang Elias bin Haji Jalil, Awang Tassim bin Akim, Awang Ahmad Bokhari bin Haji Hanafiah, Awg. Mohd. Tariff bin Metussin, Ak. Jabaruddin bin Pengiran Mohammad Salleh, Dayang Kasmah binte Siput dan Dayang Norhani binte Haji Baha.

Lapan orang penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Trengganu akan pulang ka-tanah ayer pada 3hb. Disember.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15hb. November, 1972 hingga ka-hari Selasa 21hb. Oktober, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
15hb. Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07
16hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
17hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
18hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
19hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
20hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08
21hb. Nob.	12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

15hb. Nover, 1972.

SOAL PENGANGGORAN TIMBUL LAGI

MASALAH pengangguran ada-lah merupakan sa-jenis penyakit masyarakat yang bagitu senang merebak dan keadaan-nya tidak ubah seperti penyakit yang boleh merangut nyawa dalam beberapa saat sahaja.

Pengangguran bukan terpicul di-bahu kerajaan semata2 untuk melaksanakan usaha2 bagi mengatasi-nya. Ia-nya merupakan satu bentuk dalam masyarakat yang perlu pada penglihatan yang serious oleh banyak golongan. Membiarkan keadaan pengangguran itu berarti akan menyekat atau tidak dapat menikmati suasana yang harmoni dalam jangka waktu yang panjang, kerana pengangguran ini boleh menjadi batu penghalang yang besar dalam chita2 untuk meneruskan perjalanan kita di atas landasan yang harmoni seperti mana yang senantiasa kita hasratkan sa-lama ini.

Tidak boleh tidak bahawa masalah pengangguran ini merupakan satu perkara yang sentiasa mengajak kita untuk berada dalam suasana kekhawatiran, lalu berfikir bagi mencari jalan untuk mengatasinya. Hakikat ini di-sadari benar oleh Kerajaan. Dan, seperti mana yang di-sabdakan oleh Pemangku Menteri Besar bahawa Kerajaan telah dan akan terus berusaha untuk mengatasi masalah pengangguran itu.

Dalam pada itu, Pemangku Menteri Besar nampak-nya tidak merasa cukup jika usaha2 itu hanya di-jalankan oleh satu pihak sahaja ia-itu Kerajaan. Bahkan masalah ini patut juga di-ambil berat oleh pihak2 yang bukan Kerajaan seperti pihak2 perniagaan di-negeri ini.

Meminta pihak2 perniagaan untuk sama2 mengatasi masalah pengangguran itu bukanlah perkara yang baru, dan sepatut-nya permintaan itu sudah pun berjawab pada waktu ini. Tetapi malang-nya keadaan yang di-harapkan itu maseh belum timbul juga. Kita kira, Kerajaan sudah bagitu banyak memberikan tolak ansor dalam banyak perkara sa-lama ini dan ada-lah patut benar yang budi baik itu di-balas dengan baik.

Ke-engganan untuk mengambil anak2 negeri bekerja dalam shariat2 perniagaan di-negeri ini, nampak-nya menjadi satu sebab yang Kerajaan bakal bertindak tegas. Dan, bila tindakan itu berjalan demi kepentingan rayat Brunei, hendaknya tidak akan timbul saranan yang Kerajaan tidak bertimbang rasa.

Keistimewaan yang di-dapat oleh pihak perniagaan di-negeri ini yang tidak mungkin di-dapat mereka di-negeri2 lain harus di-jadikan mereka sa-bagai titik tolak untuk menentukan sama ada mereka mahu bekerjasama untuk mengatasi pengangguran itu atau sa-balek-nya. Keistimewaan2 itu tidak harus di-jadikan sandaran untuk mereka mengeluarkan taring dan enggan bekerjasama. Kita harap mereka akan chepat sadar apa yang di-perlukan dari mereka dan tidak lagi berpura2.

Hampir 5,000 berkunjung ka-Istana Darul Hana

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 5,000 orang dari berbagai kaum telah berkunjung ka-Istana Darul Hana untuk menziarahi dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat2 Diraja.

Istana Darul Hana telah di-buka kepada orang ramai sa-lama tiga hari mulai dari hari raya kedua dan pada hari itu sa-ramai 2,168 orang telah berkunjung ka-sana.

Pada hari kedua Istana Darul Hana di-buka, sa-ramai 1,884 orang telah berkunjung sementara hari ketiga ia-lah sa-ramai 848 orang.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang di-ziarahi oleh salah sa-orang kaum ibu yang telah berjongkok ka-Istana untuk mengucapkan Selamat Hari Raya. Dudok di-sebelah kanan ia-lah puteri sulung Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah.



Kaum Eropah juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan selamat Hari Raya kepada kerabat Diraja. Gambar atas menunjukkan Pengurus Bank Kebangsaan Bandaraya Pertama, Awang William H. Serumgard berjabat salam dengan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkiah.



Menunjungi Istana Darul Hana sa-masa Hari Raya tidak hanya terhad kepada orang Islam sahaja. Gambar atas menunjukkan salah sa-orang kaum. Gambar bawah dengan di-pimpin oleh ayah-nya dengan megah berjabat salam bagi mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.



43 buah sekolah mengambil bahagian dalam peraduan bahath

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 43 buah sekolah Rendah dan Menengah Melayu dan Inggeris bahagian lelaki dan perempuan di-seluruh negeri akan mengambil bahagian dalam peraduan Bahath mulai 4hb. Disember hadapan.

Sa-banyak tujuh buah sekolah rendah lelaki akan membahatkan tajok 'Menuntun telvisen itu lebeh banyak mendatangkan kebajikan daripada kebaikan'. Sementara 6 buah sekolah rendah perempuan akan membahatkan tajok 'Pelajar2 yang tinggal di-asrama itu lebeh baik daripada pelajar2 yang tinggal di-rumah sendiri'.

Sa-puluh buah sekolah menengah bawah lelaki dari Tingkatan I hingga Tingkatan III akan membahatkan tajok 'Peranan ibu bapa lebeh penting daripada peranan guru' dan 10 buah sekolah menengah bawah perempuan akan membahatkan tajok 'Kaum wanita patut mendapat hak yang sama dengan kaum lelaki'.

Sa-banyak 5 buah sekolah menengah lelaki akan membahatkan tajok 'Sa-seorang yang terkenal sa-lah di-sebabkan oleh kekayaan-nya, bukan di-sebabkan oleh pelajaran-nya' dan sementara 5 buah sekolah menengah atas perempuan akan membahatkan tajok 'Kemunduran orang2 luar bandar berpunca daripada keperchayaan karut'.

Peraduan bahath itu di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran sa-bagai sa-bahagian dari projek tahunan.

18 orang pemain akan di-pileh

D.Y.M.M. BERSEMBAHYANG HARI RAYA AIDIL FITRI

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan untuk menunaikan sembahyang Hari Raya bersama2 dengan beribu2 orang umat Islam.

Di-antara pembesar2 negara yang juga turut bersembahyang Hari Raya ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammed Bolkiah, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli-Duli Wazir, dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Sembahyang Hari Raya juga di-adakan di-mesjid2 di-Kuala Belait, Seria, Tutong, Pekan Bangar dan kampong2 di-seluruh negeri ini.

Hari Raya menandakan berakhir-nya puasa yang telah berjalan sa-lama sa-bulan, dan Umat2 Islam di-negeri ini menggunakan hari yang berbahagia ini untuk bergembira, mengunjungi sahabat handai, saudara mara dan bertukar2 ucapan selamat serta meminta ma'af antara satu dan yang lain.

Majlis cheramah belia2 di-Pusat Belia 1hb. Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan akan menganjorkan Majlis Cheramah Pemimpin2 Belia kali kedua dalam bulan Disember hadapan.

Majlis Cheramah itu akan di-adakan pada hari Jumaat 1hb. Disember di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchapak di-Jabatan Kebajikan meminta kepada semua Setia Usaha Agong Persatuan2 Belia di-negeri ini supaya dapat menghantar beberapa orang wakil dari persatuan masing2 untuk menghadiri Majlis Cheramah tersebut dan mana2 perwakilan itu hendak-lah di-hantar ka-Jabatan itu tidak lewat dari hari ini 15hb. Nover.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-jadualkan akan menyampaikan satu cheramah khas mengenai Pentadbiran Negara dan peranan belia dengan pembangunan negara di-majlis itu.

Pesuruhjaya Kebajikan akan menyampaikan cheramah mengenai tugas2 Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap masyarakat dan negara sementara Pesuruhjaya Polis akan menyampaikan cheramah mengenai keselamatan, bahaya subversib terhadap belia dan masyarakat termasuk bahaya ganja dan madat.

Negeri Brunei untuk mewakili negeri ini ka-perlawanan bola sepak bagi merebut Piala Borneo.

Perlawanan antara Brunei, Sarawak dan Sabah itu akan di-adakan Kuching dalam pertengahan bulan Disember hadapan.



Duli Yang Maha Mulia dengan di-iringi oleh Pegetua Pegawai Hal Enwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja ketika berangkat tiba di-pekarangan Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk menunaikan sembahyang Hari Raya.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-iringi oleh Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh (kanan) setelah selesai menunaikan sembahyang Hari Raya di-Mesjid Omar Ali Saifuddin. Bandar Seri Begawan.

Semua mesjid di-seluruh negeri telah di-banjiri oleh umat Islam untuk menunaikan sembahyang Hari Raya pada minggu lepas. Gambar bawah menunjukkan para jemaah yang telah menunaikan sembahyang di-Mesjid Tanjong Maya.





GAMBAR atas menunjukkan sa-bahagian dari lebeh dari 2,000 orang yang telah membanjiri tambatan Kastam Diraja untuk mengucapkan selamat belayar kepada 47 orang bakal haji yang telah bertolak pada hari Jumaat lepas. Timbalan Kadhi Besar, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal menyampaikan sharahan khas sa-jurus sa-belum bakal2 haji itu meninggalkan tambatan Kastam (gambar kiri).

47 orang bakal haji selamat belayar



GAMBAR atas: Salah sa-orang saudara mara bakal2 haji sedang mengucapkan selamat belayar di-tambatan kastam Diraja. Sementara gambar kiri menunjukkan sa-bahagian dari bakal2 ketika berada di-dalam kapal M.V. Bolkiah yang membawa mereka ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah. Gambar2 ehsan JHEU/BP.

LEBEH dari 2,000 orang telah berada di-Tambatan Kastam, Diraja Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas untuk mengucapkan selamat belayar kepada 47 orang bakal haji yang telah berlepas untuk menunaikan fardhu haji.

Jemaah2 haji itu telah bertolak ka-Labuan dengan kapal kerajaan M.V. Bolkiah dan dari sana mereka akan pergi ka-Jeddah melalui Singapura dengan kapal 'Malaysia Baru'.

Tiga orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohamed Salleh bin Pehin Penyurat Matserudin, Awang Mohammad bin Chiku dan Awang Sabtu bin Aji telah menyertai bakal2 haji itu sa-hingga ka-Labuan sementara Pengiran Metersad bin Pengiran Metassan akan mengiringi mereka sa-hingga ka-Pulau Pinang.

Sa-jurus sa-belum bakal2 haji itu meninggalkan tambatan kastam, Timbalan Kadhi Besar, Awg. Hj. Abdul Hamid bin Bakal telah memberikan sharahan khas kepada mereka dan do'a selamat telah di-bacakan oleh Yang Di-Mulia-kan Pehin Udana Khatib Awang Haji Tamin bin Abdul Hamid.

Pemilihan Ketua Kampong Sungai Hanching

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemilihan chalun bagi Ketua Kampong Sungai Hanching dan Tanah Jambu-Salar, akan di-adakan pada hari Sabtu 18hb. Nobember ini di-tempat2 dan masa yang berasingan.

Sa-orang juruchakap di-Pejabat Daerah Brunei/Muara berkata pemilihan chalun bagi Ketua Kampong Sungai Hanching akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sungai Hanching jam 9.00 pagi.

Juruchakap itu meminta kepada semua penduduk di-kawasan Kampong Sungai Hanching yang berumur 21 tahun ka-atas dan yang berhak mengundi ada-lah di-kehendaki hadir ka-Sekolah tersebut untuk menjalankan

undian mereka.

Pemilihan chalun Ketua Kampong di-Kampong Sungai Hanching itu ada-lah bagi menggantikan bekas Ketua Kampong Dato Seri Laila Haji Samad bin Sahab yang telah meninggal dunia baru2 ini.

Juruchakap itu berkata, pemilihan chalun bagi Ketua Kampong Tanah Jambu-Salar, akan di-adakan pada hari yang sama di-Sekolah Melayu Tanah Jambu jam 2.00 petang.

Penduduk2 di-kawasan Kampong Tanah Jambu/Salar yang berumur 21 tahun ka-atas dan yang berhak mengundi ada-lah di-kehendaki hadir pada hari tersebut untuk menjalankan undian me-

reka.

Pemilihan itu di-adakan bagi menggantikan bekas Ketua Kampong itu Awang Haji Taim bin Garip yang telah bersara.

Tawaran perengkat pertama ranchangan bekalan ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan sedang membuat tawaran2 bagi penyempurnaan kerja2 Perengkat Pertama Ranchangan Perbekalan Ayer Sungai Tutong.

Kerja2 yang di-perlukan meliputi penyempurnaan pembinaan di-Kampong Layong, pemasangan paip mengepam

jenis besi yang berukuran 36 inchi garis tengah untuk sa-panjang dua batu antara pembinaan2 di-Kampong Layong dengan kolam ayer di-Sungai Burong.

Lain2 kerja ia-lah pembinaan sa-banyak 8 buah kolam ayer konkrit, pemasangan

(Lihat muka 7)

JAWATAN KOSONG:

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILAL:

1 jawatan bagi Mesjid Kampong Lamunin.

1 jawatan bagi Mesjid Kampong Kiudang.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa dikehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 22hb. Nohember, 1972.

Pembinaan perengkat pertama kompleks Balai Pulis Daerah jalan lanchar

BANDAR SERI BEGAWAN.

Kerja2 ka-atas pembinaan sa-buah bangunan yang mengandongi 40 buah rumah pangsa bagi anggota2 Pasokan Pulis Diraja Brunei di-Bandar Seri Begawan sedang berjalan dengan lanchar saperti yang di-ranchangan.

Bangunan rumah2 pangsa itu sedang di-bena di-satu kawasan di-Jalan Dato Ibrahim oleh kontraktor, Pembena'an Hup Yick.

Ia-nya di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$780,000.00 dan jika tidak ada halangan, akan siap dalam bulan Mei tahun depan.

Perlawanan gasing di-Temburong

TEMBURONG. — Sa-banyak 10 buah pasokan di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian dalam perlawanan permainan gasing berpasokan terbuka bersempena dengan menyambut Hari Raya Aidil-Fitri ini.

Perlawanan yang pertama telah di-mulakan pada hari Ahad antara Pejabat Daerah Temburong dengan pasokan Kampong Batang Tuau 'B' bertempat di-gelanggang gasing Pekan Bangar.

Pada 17hb. Nohember, pasokan Kampong Rataie bertemu dengan Kampong Selangan.

Pada 24hb. Nohember pasokan Kampong Rataie melawan Kampong Batang Tuau 'A', pada 11hb. Disember pasokan Kampong Bokok melawan Pejabat Perubatan Temburong dan pada 8hb. Disember pasokan Mukim Labu melawan Kampong Menengah.

Tiap2 perlawanan itu akan di-jalankan dengan 39 pusingan sa-chara kalah mati.

Tiap2 rumah akan mempunyai dua buah bileh tidor, sa-buah bilek dapur, sa-buah bilek mandi dan sa-buah bilek tetamu.

Sa-orang juruchakap Messrs. Cubitt dan Rakan2, juru akit yang tugaskan oleh kerajaan untuk mereka bangunan rumah pangsa itu berkata, bahawa rangka2 besi tambahan sekarang hampir siap ka-tingkat atas.

Juruchakap itu berkata, kerja2 membina dinding telah-pun di-jalankan dan siap sampai ka-tingkat dua.

Dia-nya juga menyatakan bahawa bangunan rumah pangsa yang kedua akan di-bina di-kawasan yang sama.

Sa-takat ini, dua pertiga dari kerja2 email dan membuat rangka telah selesai.

Jika semua-nya berjalan saperti yang di ranchangkan,

bangunan itu akan siap dalam bulan Nohember tahun depan.

Bangunan2 rumah pangsa itu ada-lah perengkat pertama dari kompleks Ibu Pejabat Pulis Daerah di-Bandar Seri Begawan.

Ada-lah di-chadangkan bahawa bangunan Ibu Pejabat Pulis Daerah yang berhadapan dengan Padang Besar tidak lama lagi akan di-roboh.

Peperiksa sa-kali lagi

SEMUA penuntut2 Darjah Empat dan Enam yang telah mengambil Peperiksaan Kertas 'Am dalam Peperiksaan yang telah di-jalankan pada 30hb. September, 1972 dan 2hb. Oktober, 1972 yang lalu akan di-peperiksa sa-kali lagi pada hari Sabtu 18hb. Nohember, 1972.

Hanya penuntut2 yang terlibat saja dalam peperiksaan ini dikehendaki hadir ka-pusat2 peperiksaan masing2 pada tarikh yang disebutkan tadi.

Ranchangan bekalan ayer

(Dari Muka 6)

paip sa-panjang sa-tengah batu ka-pekan2 Muara dan Tutong serta lain2 pembinaan yang kechil di-sepanjang jalan paip itu.

Sa-orang juruchakap Binnie dan Partners yang mengawasi ranchangan itu bagi pehak kerajaan berkata ranchangan pembinaan sa-chara mengejut itu telah di-lakukan atas tujuan untuk membekalkan ayer sa-berapa segera.

Juruchakap itu berkata ada-lah di-harapkan bahawa pemborong baru itu akan mula bekerja pada awal tahun depan perbekalan ayer yang sudah bertapis itu akan dapat di-bekalkan sa-lama 24 jam di-Bandar Seri Begawan dan Pekan Tutong lima bulan sa-telah kerja2 di-mulakan dan kapada Pekan Muara dua bulan sa-lepas-nya.

Kontrek kejuruteraan awam itu telah di-tawarkan kapada Sharikat Wohing dan Winley yang telah memulakan kerja2 dalam bulan Oktober 1969.

Juruchakap itu menambahkan kata pada masa ini Sharikat pembinaan Swee sedang di-tugaskan bagi pembinaan Perengkat Kedua projek tersebut.

Ini meliputi kerja2 memasang paip jenis A.C. dan pembinaan beberapa buah kolam ayer kechil untuk perbekalan2 ayer ka-kawasan2 pendalaman, dan pemasangan paip2 besar di-Bandar Seri Begawan, Muara, dan Pekan Tutong yang kini hampir2 siap.

Juruchakap itu berkata ranchangan bekalan ayer itu akan boleh di-jalankan sa-baik2 saja kerja2 Perengkat Pertama selesai.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



CHAWANGAN BANK KEBANGSAAN BANDAR RAYA PERTAMA DI RASMIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa telah merasmikan pembukaan Chawangan First National City Bank di-Bandar Seri Begawan pada petang hari Sabtu lepas.

Dalam ucapan-nya, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja berkata, tidak ragu2 lagi City Bank akan mengenalkan Brunei kepada dunia luar dengan lebeh luas serta tetap dan akan membuka jalan2 baru bagi penanaman modal yang lebeh banyak lagi dari negara2 yang bersahabat dari seberang laut yang di-harapkan akan menanam modal lebeh banyak lagi dalam negeri ini dengan membawa modal dan kecekapan pengurusan mereka bagi faedah diri mereka sendiri dan juga Brunei.

Beliau menambah kata, City Bank boleh memainkan peranan yang peting dalam bidang ini kepada Negeri Brunei seperti yang telah di-lakukan-nya di-lain2 negara.

Dalam hal ini, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja menyatakan keshukoran-nya bilamana mengetahui yang Bank tersebut juga terlibat dalam membiayai projek Gas Asli Chair dan beliau berharap Bank itu akan berbuat demikian dalam lain2 bidang yang penting juga demi untuk faedah negeri ini.

"Malam Aidil Fitri" di-Dewan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan 'Malam Aidil Fitri' pada 16hb. dan 17hb. Nobember ini.

Pesta tersebut akan di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan dan di-adakan dua pertunjokan pada tiap2 malam. Pertunjokan pertama di-adakan pada 7.00 malam dan pertunjokan kedua di-adakan pada jam 9.00 malam.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 menyatakan bahawa hasil dari kutipan dari jualan tiket dalam pertunjokan2 itu akan di-dermakan kepada tabong Pembinaan Stadium.

Beberapa acara termasuk pementasan drama, persembahan lawak jenaka, nyanyian dan tarian akan di-persembahkan pada malam itu.

Majlis Belia2 juga telah mengundang dua orang pela-

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja menyatakan yang beliau tau bahawa First National City Bank sedar akan hakikat bahawa penerusan perdamaian dan kemakmoran sa-sabua negara itu bergantung banyak kepada keyakinan rakyat-nya tentang nasib masa depan mereka.

Beliau yakin bahawa dengan ingatan ini, Bank tersebut akan berusaha penuh seperti yang di-lakukan di-negeri2 lain untuk mengambil dan melateh pegawai2 tempatan yang mempunyai kelayakan yang sesuai supaya membolehkan mereka pada masa yang menepati pada memainkan peranan mereka dalam perengkat pegawai dan pengurusan bank itu nanti.

Dalam penutupan ucapan-nya Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja mengucapkan tahniah kepada First National City Bank atas kejayaan-nya membuka chawangan-nya di-Brunei.

Juga berucap di-upacara itu ialah Awang Richard W. Wheeler, Naib Yang Di-Pertua Kanan City Bank, New York.



Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa berbual2 dengan Awang Peter Howell, Naib Yang Di-Pertua Bank Kebangsaan Bandar Raya Pertama Chawangan Brunei.

Sektor2 pribet yang enggan memberi kerja kepada rakyat negeri ini akan menemui tindakan undang2—Pmk. M. B.

(Dari muka 1)

pula mengurangkan bilangan penganggoran yang bertambah ini.

Berhubung dengan seruan itu, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara telah menimbulkan tentang ada-nya gulungan yang pura2 kurang faham akan maksud sabda itu dan ada pula yang menyatakan bahawa sabda itu hanya-lah satu pendapat atau seruan peribadi Duli Yang Teramat Mulia sendiri.

Y.A.M. Pengiran Dipa Negara di-samping mensifatkan pendapat2 itu sa-bagai menyelweng telah menegaskan bahawa apa jua yang telah di-sabdakan itu ada-lah merupakan satu dasar Kerajaan.

Beliau menekankan lagi bahawa melalui jabatan2 Kerajaan, maka usaha akan di-jalankan pula bagi mempusatkan usaha pengikisan penganggoran yang kita hadapi pada waktu ini.

Beliau menasehatkan pihak2 sektor pribet sama ada di-kalangan kaum Tionghwa mahu pun gulungan2 yang lain seperti sharikat2 penerbangan, pembangunan, gudang2 perniagaan, badan2 kewangan dan sa-umpama-nya hendak-lah benar2 membuktikan penerimaan seruan itu.

Mereka hendak-lah mebuktikan-nya dengan usaha yang berkesan dan bertindak bagi

memberikan jawatan2 yang kosong dan lain2 mata2 pencharian kepada rakyat negeri ini sa-chara praktikal.

"Sa-terus-nya sebarang keengganan atas alasan yang tidak munasabah akan di-temui dengan peratoran2 dan undang2 yang setimpal dengan-nya," demikian amaran beliau.

Kapada rakyat pula, khususnya muda-mudi, beliau menjelaskan bahawa masa-nya sudah tiba bagi mereka supaya mengubah sikap yang memilih jenis2 mata pencharian itu.

Sebarang tabiat pemilihan mata pencharian itu, kata-nya, hanya akan membawa ketevasan kepada mereka dalam mengharongi hidup ini.

"Apa jua mata pencharian yang halal ada-lah suatu mata pencharian yang tinggi taraf-nya dan hendak-lah di-awasi dengan perasaan yang penuh keshukoran", kata-nya.

Dua keluaran setem khas dalam bulan ini

BANDAR SERI BEGAWAN. Pejabat Besar Pos akan mengeluarkan dua setem khas dalam bulan ini.

Pada hari ini setem khas bagi memperingati pembukaan rasmi Muzium Tentera Udara Diraja di-United Kingdom akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri.

Setem2 itu berharga 25 sen dan 75 sen, manakala sampul surat rasmi hari pertama berharga 50 sen sa-keping.

Satu lagi keluaran setem khas bagi memperingati "The Royal Silver Wedding" akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-negeri ini pada 20hb. Nobember.

Setem2 itu berharga 12 sen dan 75 sen, manakala sampul

surat rasmi hari pertama berharga 50 sen sa-keping.

Kedua2 keluaran setem khas itu akan di-jual di-semua pejabat pos di-seluruh negeri sa-lama tiga bulan atau sahingga setem2 itu habis dalam simpanan.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**